

BAB KEDUA

2.0. PENDAHULUAN

Morfologi merupakan satu bidang ilmu linguistik , yang membicarakan tentang pembentukan kata bagi satu - satu bahasa . Ia merangkumi aspek morfen , pecahan kata , penambahan dan sebagainya. Dalam bab ini, penulis cuba menerangkan tentang pengertian morfologi dari dua aspek iaitu pengertian mofologi mengikut ahli linguistik am dan ahli linguistik Arab.

2.1. PENGERTIAN MOFOLOGI

Mengikut Harimurti Kridalaksana (1983 : 111) mendefinisikan morfologi sebagai bidang linguistik yang mempelajari morfem dan kombinasi-kombinasinya atau dengan kata lain bahagian dari struktur bahasa yang mencakupi kata dan bahagian-bahagian kata yakni morfem .

Bidang morfologi merupakan satu bidang yang mengkaji struktur atau bentuk kata (lihat Abdullah Hassan, 1987 : 36 dan 1993 : 103). Penghuraian morfologi melibatkan dua unit utama, iaitu morfem dan kata.

2.2. MORFOLOGI ARAB

Menurut para sarjana linguistik Arab telah mendefinisikan morfologi (علم الصرف) sebagai suatu ilmu yang mempelajari tentang pembentukan kata. Dengan kata lain, ilmu yang mengkaji struktur-struktur perkataan serta kombinasi-kombinasinya (Dr. Ibrahim Abdul Rāziq Al-Basyūni dan kawan-kawan, 1984 : 4)

Dr.Kamal Basyar, yang dianggap sebagai mewakili pendapat Sarjana-sarjana Lingguistik Arab terkini telah mendefinisikan morfologi sebagai suatu ilmu yang mengkaji tentang keseluruhan struktur perkataan atau sebagainya, bertujuan untuk membawa perubahan makna dan struktur ayat. (Lihat, Dr. Abdoh Al Rajhi : TT : 145)

Dengan itu, ilmu Sorf (Morfologi) adalah suatu ilmu yang menerangkan kaedah penyusunan huruf di dalam perkataan dengan menerangkan wazannya (Kata timbang), bilangan hurufnya, serta mendedahkan perubahan-perubahan yang berlaku samada dari sudut penambahan, pembuangan (penyingkiran) dan keaslian hurufnya.(Lihat Dr.Abdul Hadi Al-Fadhli, TT : 7)

Kesimpulan :

Hasil daripada meneliti definisi yang diberikan oleh para sarjana linguistik Arab dapat disimpulkan bahawa ilmu Sorf (Morfologi) membicarakan tentang :

- 1- Huruf asal perkataan.

- 2- Susunan huruf asal perkataan.
- 3- Kata timbang huruf asal perkataan.
- 4- Huruf-huruf penambahan.
- 5- Kata timbang perkataan yang ditambah dengan huruf-huruf penambahan.
- 6- Perubahan morfologi yang berlaku disebabkan penukaran huruf konsonan (ibdal), dan huruf vokal (I 'lal) serta penyingkiran huruf-huruf vokal pada perkataan itu. (Dr. Abdul Hadi Al Fadhl, TT : 7)

2.3 PERKEMBANGAN ILMU MORFOLOGI ARAB

Kalau di perhatikan di dalam buku-buku yang membicarakan tentang ilmu morfologi dan nahu Arab, didapati ilmu morfologi berkembang kepada beberapa peringkat. Menurut Dr. Ibrahim Abdul Rāzik Al-Basyūni (1988 : 5) membahagikan peringkat perkembangan ilmu morfologi kepada tiga peringkat utama:

2.3.1 PERINGKAT PERTAMA

Pada peringkat pertama pertumbuhan ilmu morfologi (Sorf) didapati ianya tidak terpisah daripada ilmu Nahu. Di mana Sorf adalah dianggap sebahagian daripada ilmu Nahu. Ini dapat dibuktikan bahawa Sibawah di dalam bukunya yang diberi nama “ Al-Kitab ” telah mencampuradukkan di antara Soraf dan Nahu di dalam satu tajuk (subjek) sahaja dan beliau tidak menganggap soraf sebagai satu ilmu yang terpisah daripada ilmu Nahu.

2.3.2 PERINGKAT KEDUA

Di peringkat ini para sarjana Linguistik Arab telah mula membuat pemisahan di antara ilmu Nahu dengan ilmu Soraf. Mereka menjadikan soraf sebagai satu ilmu yang tersendiri dan bebas. Ahli linguistik yang mula-mula membuat kajian ini ialah Mu'āz bin Muslem Al-Harrā'. Beliau adalah salah seorang tokoh sarjana linguistik beraliran Kufah. Usaha beliau ialah membuat penyelidikan dan kajian terhadap buku-buku lama bertujuan untuk menghasilkan suatu permasalahan tentang morfologi dan kemudian dikumpulkan menjadi suatu kaedah dalam pembinaan kata bahasa Arab.

Menurut sumber daripada buku-buku linguistik, Muaz banyak memperkatakan tentang infleksi (التصريف) dan banyak menghasilkan buku tentang itu, tetapi tidak ada satu pun buku-buku beliau yang dapat dikesan sehingga kini (Al-Basyūni, 1988 : 5). Ahli-ahli linguistik hanya dapat memetik pendapat-pendapat beliau daripada buku-buku yang memperkatakan tentang pendapat dan buah fikiran belaiju sahaja

2.3.3 PERINGKAT KETIGA

Pada peringkat ini telah muncul ilmu morfologi (Soraf) sebagai satu bidang ilmu yang berdiri sendiri dan merangkumi kaedah-kaedah yang

agak sempurna dan teratur . Tokoh paling menonjol yang mempelopori bidang ini ialah Abu Al-Fatah Othman Ibn Jinni (330H - 392H).

Beliau telah menghasilkan buku linguistik yang cukup terkenal dan cukup penting sebagai asas dan titik permulaan kajian secara saintifik bidang morfologi Arab. Buku itu diberi nama *Al-Khasōis*. Selain daripada itu Ibn Jinni telah menyusun sebuah buku yang diberi nama *Al- Tasrīf Al- Mamlūki* (Al-Basyūni, 1988 : 9). Di dalam buku ini beliau telah membuat tumpuan khusus dalam merangka kaedah-kaedah dan hukum-hukum mengenai morfologi Arab.

Ibnu Jinni boleh dianggap sebagai perintis jalan untuk direntasi dan diterokai oleh sarjana-sarjana linguistik lain dalam memperluaskan pengajian tentang permasalahan-permasalahan morfologi serta meletakkan syarat-syarat dan hukum-hukum yang berkaitan dengan leksikon, vokal pendek dan vokal panjang serta wazan-wazan (kata timbang) dengan begitu teratur dan sistematik.

Idea beliau juga telah menjadi titik tolak kepada para sarjana linguistik untuk merangka kaedah-kaedah yang berkaitan dengan perubahan-perubahan infleksi, derivasi,nasab (nisbah) tasghir (pengecilan) ibdal (penukaran huruf) i'lal (Penukaran huruf vokal) dan sebagainya.

2.4 MORFEM

Morfem adalah satu unit tatabahasa yang terkecil dalam bahasa dan yang bermakna (Pitsamai Intarachat, 1987 : 28). Ianya merupakan unit yang abstrak yang dalam penggunaan bahasa diwujudkan dalam bentuk bunyi atau ejaan

(Hasmah Hj. Omar ,1993 :7).Morfem boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu morfem bebas dan morfem terikat.

2.4.1 MORFEM BEBAS

Morfem bebas adalah morfem yang wujud bersendirian sebagai satu perkataan dan secara tersendiri telah pun mempunyai makna. Ianya merupakan perkataan yang tidak memakai sebarang imbuhan . Misalnya rumah, sekolah, kamu, makan dan sebagainya. Contoh dalam bahasa Arabnya ialah قَمْرٌ (bulan), بَيْتٌ (rumah), نَوْمٌ / جُلُوسٌ (tidur), جُلُوسٌ (duduk) dan sebagainya. Semua perkataan tersebut adalah merupakan morfem-morfem bebas.

2.4.2 MORFEM TERIKAT

Morfem terikat ialah morfem yang tidak boleh wujud bersendirian, tetapi mesti wujud bersama morfem lain, samada morfem bebas atau morfem terikat, untuk membentuk kata. Contoh-contoh morfem terikat dalam bahasa Melayu ialah seperti “ me - , ter - , ber-,per -, se - , ke - , -i , - kan” dan lain-lain. Contoh-contoh dalam bahasa Arab pula boleh dilihat seperti م - ي ، ت - ا ، ف - ة ، س - ي ، و - ن ، ات - ة ، ية - ي ، اس - ئ ، م - ئ ، ان - ين ، و - ن ، ات - ئ ، ية - ي ، اس - ئ ، است - ئ dan lain-lain lagi.

Prof. Dr. Asmah Hj. Omar (1993 : 11) telah membahagikan morfem terikat dalam bahasa Melayu kepada tiga jenis, iaitu morfem terikat satuan, morfem terikat terbahagi dan morfem terikat kkompleks.

2.4.2.1 MORFEM TERIKAT SATUAN

Morfem Terikat satuan ialah morfem terikat yang utuh dalam bentuknya, Contoh : ter- (termakan), me- (memukul), ber- (berjalan), di-(dipukul), -kan (pukulkan). Penulis berpendapat dalam bahasa Arab juga terdapat morfem terikat satuan ini, contohnya antara lain ialah ;

- 1- تَخْرُجُ - (تَفْعُلُ)
- 2- يَذْهَبُ - (يَفْعُلُ)
- 3- أَذْهَبُ - (أَفْعُلُ)
- 4- أَكْتَبُ - (أَفْعُلُ)
- 5- كَايِتُ - (فَاعِلُ)
- 6- كُوْتَبَ - (فُوْعِلَ)
- 7- كَرِيمٌ - (فَعِيلٌ)
- 8- ضَرَبَتْ - (فَعَلَتْ)
- 9- شَجَرَةً - (فَعْلَةً)
- 10- جَلَسَـا - (فَعَلَـا)
- 11- نَاكِلُ - (نَفْعُلُ)

2.4.2.2 MORFEM TERIKAT TERBAHAGI

Morfem terikat terbahagi atau penambah terbahagi merupakan morfem terikat yang kedudukannya dipisahkan atau “dibahagikan” oleh tersisipnya kata dasar di antaranya. Misalnya ; ke-an (kecantik~~an~~ per-an (perjalanan) dan pe-an (penantian). Dalam bahasa Arabnya dapat dilihat seperti mana berikut :

- 1- مَدْرَسَةٌ = مَ - دَرَسَةٌ
- 2- مَكْتَبَيْنِ = مَ - كَتَبَيْنِ
- 3- مَكْتَبَيٍ = مَ - كَتَبَيٍ
- 4- مَكْتَبَانِ = مَ - كَتَبَانِ
- 5- الْبَقْرَةُ = الْ - بَقْرَةُ
- 6- الْقَلْمَانِ = الْ - أَنِ
- 7- الْقَرْبَيْنِ = الْ - بَيْنِ
- 8- الْبَقْرَاتُ = الْ - اتُ
- 9- الْقَمَرِيُّ = الْ - يُ
- 10- يَذْهَبُونَ = يَ - وَنَ
- 11- تَكْتَبَانِ = تَ - كَتَبَانِ

dan lain-lain lagi

2.4.2.3 MORFEM TERIKAT KOMPLEKS

Morfem terikat kompleks merupakan gabungan dua morfem terikat atau lebih. Dalam Bahasa Melayu, penggabungan boleh berlaku pada awalan sahaja atau pada awalan dan akhiran, misalnya ;

1. memper-kan (memperkatakan)
2. diper-kan (diperkatakan)
3. me-kan (mengahwinkan)
4. di-kan (dikahwinkan) (Nahu Melayu Mutakhir , Hasmah Hj. Omar .m/s : 12)

Di dalam bahasa Arab fenomena ini adalah lebih kompleks. Di mana penggabungan boleh berlaku pada awalan sahaja atau pada akhiran sahaja atau pada awalan dan akhiran atau pada awalan dan akhiran yang diselangi dengan sisipan , misalnya ;

1. Gabungan Awalan sahaja

مُسْتَخْرِجَانٌ = مُسْتَخْرِجٌ - اَنْ
الْمَكْتَبَانِ = الْمَكْتَبَةُ - اَنْ
الْمَدْرَسَةُ = الْمَدْرَسَةُ - هُوَ
الْمُسْتَخْرِجُونَ = الْمُسْتَخْرِجُونَ - وَنْ

2. Gabungan Akhiran sahaja

مَدْرَسَيَّةٌ = مَدْرَسَةٌ - يَهُوَ
الْبَقْرَتَانِ = الْبَقْرَتَانِ - تَ اَنْ
الْشُرُطِيَّانِ = الْشُرُطِيَّانِ - يَ اَنْ

شُرطِيَّانٌ = - يَةَ اِنِ

3. Gabungan Awalan dan akhiran

الْمَدْرِسَيَّةُ = الْ مَ - يَةُ

الْمَدْرِسَيَّانِ = الْ مَ - يَةَ اِنِ

مُسْتَقِرَّاتٍ = مُ اَسْتَ - تَ اِنِ

الْمُسْتَقِرَّاتٍ = الْ مُ اَسْتَ - تَ اِنِ

4. Gabungan awalan dan akhiran yang diselangi dengan sisipan.

مُتَقَارِبَانِ = مُتَ - اِ - تَ اِنِ

الْمُتَبَاعِقَانِ = الْ مُتَ - اِ - تَ اِنِ

الْمُجَمَعَتَيْنِ = الْ مُ - تَ - تَ يَنِ

2.5 KATA TIMBANG MORFOLOGI (المِيزَانُ الصَّرْفِيُّ)

Kata Timbang (wazan) morfologi merupakan timbangan kata yang dicipta oleh para sarjana morfologi Arab sebagai garis panduan untuk menimbang pelbagai jenis kata bahasa Arab. Kata timbang ini diumpamakan seperti acuan atau model yang digunakan oleh tukang besi untuk mencipta pelbagai bentuk hasilan daripada besi (Dr. Ibrahim Abdul Rāzik Al Basyūni dan kawan-kawan, 1984 : 5).

Tujuan dicipta kata timbang adalah untuk mengetahui asal usul perkataan serta apa yang berlaku di atas perkataan itu, samada penambahan atau perubahan dari segi kasus harakat atau kasus sukun, pembalikan atau penyingkiran sesetengah huruf dengan cara yang mudah.

Oleh kerana kebanyakan bahasa Arab terbentuk di atas tiga fonem (suku kata) maka para sarjana morfologi telah memilih tiga suku kata yang terdiri daripada huruf (ف ، ع ، ل) sebagai acuan atau kata timbang di dalam bahasa Arab. Setiap huruf atau fonem di dalam kata timbang menjadi neraca untuk menimbang setiap huruf atau fonem dalam perkataan mengikut ketertibahan hurufnya.

2.5.1. RAHSIA PEMILIHAN HURUF (ف ، ع ، ل) SEBAGAI KATA TIMBANG.

Antara rahsia pemilihan huruf (ف ، ع ، ل) sebagai kata timbang dalam pengajian morfologi bahasa Arab mengikut Dr. Ibrahim Abdul Rāzik Al Basyūni dan kawan-kawannya (1984 : 6) adalah sebagai mana berikut :-

- a. Kebanyakan perkataan yang mengalami banyak berlaku perubahan kata ialah kata kerja (الفعل) dan kata nama yang ada perkaitan dengan kata kerja seperti KN Pelaku (إِسْمُ الْفَاعِلِ), KN Objek (إِسْمُ الْمَفْعُولِ) dan sebagainya. Dengan sebab itu dipilih huruf (ف ع ل) kerana bersesuaian dengan kata kerja di dalam bahasa Arab yang disebut Al-Fi'l (الفِعْلُ).

- b. Perkataan Fi'l(un) (فعل) bermaksud bahawa perbuatan yang berkait rapat dengan peristiwa dan kelakuan. Apabila disebut الصُّومُ = puasa) adalah perbuatan , النَّوْمُ = tidur) adalah perbuatan (الجَهَادُ = berjuang) adalah juga perbuatan dan begitulah seterusnya. Maka pemilihan fonem (ف, ع, ل) sesuai dengan kata-kata sumber yang disebutkan di atas yang memberi makna umumnya perbuatan.
- c. Dari sudut fonologi tempat keluar bunyi (makhraj) huruf-huruf itu ialah ruang tenggorak, hujung lidah dan dua bibir. Ketiga-tiga tempat ini merupakan makhraj utama huruf-huruf abjad Arab. Maka huruf Fā' (ف) telah mewakili makhraj dua bibir, 'ain (ع) telah mewakili makhraj ruang tenggorak dan Lām (ل) telah mewakili makhraj hujung lidah.

2.5.2 . CARA-CARA MELAKUKAN PENIMBANGAN (MEWAZAN) PERKATAAN BAHASA ARAB

Perkataan bahasa Arab dari sudut pembentukan kata terbahagi kepada dua golongan . Pertamanya , Al-Mujarrad (المَجَرَّدُ) dan keduanya Al-Mazīd (المَزِيدُ)

Al-Mujarrad ialah kata-kata yang tidak mengalami apa-apa perubahan, samada penambahan atau penyingkirkan huruf pada kata dasarnya. Manakala Al-Mazid pula ialah kata-kata yang telah mengalami proses penambahan pada kata dasarnya dengan huruf (fonem) penambah. Huruf tersebut mempunyai 10 huruf kesemuanya, iaitu. Sin (س), hamzah (ء), Tā' (ت), Mim (م), Waw (و), nūn (ن), yā' (ي), hā' (ه) dan Alif (ا), dihimpunkan menjadi ungkapan (سَأْلَمُونَيْهَا).

Perkataan Al-Mujarrad pada kata kerja adalah terdiri daripada tiga suku kata atau empat suku kata , manakala kata nama pula terdiri daripada tiga suku kata, empat suku kata dan lima suku kata. Cara-cara melakukan penimbangan (pewazanan) perkataan tersebut ialah sebagaimana berikut :

- a. Untuk menimbangkan perkataan tiga suku kata tak berimbuhan ialah dengan meletakkan huruf Fā' (ف) pada huruf pertama, huruf 'ain (ع) pada huruf kedua dan meletakkan huruf lām (ل) pada huruf ketiga .Kemudian meletakkan baris pada setiap kata timbang seimbang dengan perkataan asal.

Contoh :

- (A) Perkataan KK → ضَرَبَ → قَدِمَ → جَمْلَ
↓↓↓ ↓↓↓ ↓↓↓
Kata timbang → فَعَلَ فَعِلَّ
- (B) Perkataan KN → قَلَمْ → كَتَفْ → عَنْبَ
↓↓↓ ↓↓↓ ↓↓↓
Kata timbang → فَعَلَ فَعِلَّ

b. Cara - cara menimbangkan perkataan empat suku kata atau lebih yang tak berimbuhan ialah dengan cara sebagaimana di atas, tetapi ditambah huruf lām (ل) di bahagian hujung perkataan mengikut keperluan huruf.

Contoh :

(A) Perkataan KK → دَحْرَجَ وَسَوْسَ

Kata timbang → فَعْلَلَ ↓↓↓ فَعْلَلَ ↓↓↓

(B) Perkataan KN → جَعْفُرَ سَفَرَجُ

Kata timbang → فَعْلَلَ ↓↓↓ فَعْلَلَ ↓↓↓

c. Kaedah mewazankan perkataan berimbuhan secara gandaan suku kata tengah dengan cara menggandakan juga kata timbang menjadi selari dengan perkataan tersebut.

Contoh :

(A) Perkataan KK → سَلَمَ كَرَمَ

Kata Timbang → فَعَّلَ فَعَّلَ ↓↓↓

(B) Perkataan KN → سَلَمَ، كَرَمَ

Kata timbang → فَعَّلَ فَعَّلَ ↓↓↓

d. Cara-cara menimbangkan perkataan berimbuhan tanpa ganda dengan cara meletakkan (عِلْفٌ) pada huruf asal

perkataan. Kemudian ditambah huruf - huruf penambahan yang serupa dengan perkataan yang ditimbang .

Contoh :

KK berimbuhan → اِنْتَصَرَ سَابِقٌ اِسْتَخْرَاجٌ
 ↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓
 Kata timbang → فَاعِلٌ اِسْتَفْعَالٌ

KN berimbuhan → الْمُسَايِقَةُ الْإِنْتِصَارُ اِلْاسْتَخْرَاجُ
 ↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓↓
 Kata timbang → الْمُفَاعِلَةُ الْاِفْتِعَالُ اِلْاسْتَفْعَالُ

Dalam contoh-contoh di atas, perkataan yang bergaris di bawah adalah huruf-huruf penambahan.

e. Cara - cara menimbang perkataan yang telah disingkir sebahagian huruf-hurufnya dengan menyingkirkan juga kata timbang yang bersetengtang dengannya.

Contoh :

KKkl →	قالَ	سَعَى	وَصَلَ
	↓↓	↓↓	↓↓
KT →	فَعَلَ	فَعَلَ	فَعَلَ
		↓↓	
KKim →	قُلْ	إِسْعَى	صِلْ
	↓↓	↓↓↓↓	↓↓
KT →	فُلْ	إِفْعَى	عِلْ
		↓↓	

Di dalam contoh di atas , perkataan (قُلْ) telah disingkirkan huruf tengahnya dan disingkirkan juga pada kata timbangnya. Begitu juga pada perkataan (إِسْعَى) telah tersingkir huruf akhirnya dan

perkataan (صُلْ) tersingkir huruf pertamanya. Maka kata timbang masing - masing disingkirkan .

f. Untuk menimbangkan perkataan yang telah ditukarkan huruf asalnya dengan cara timbangan mengikut huruf asal sebelum berlaku proses penukaran.

Contoh :

KK asal	→	قَوْل	قَوْم
	↓↓↓		↓↓↓
KT	→	فَعَل	فَعَل
	↓		↓
KK	→	قَال	قَام
	↓↓↓		↓↓↓
KT	→	فَعَل	فَعَل

g. Perkataan yang ditambah dengan huruf penambahan serta gandaan sesetengah huruf asal, seperti perkataan (إِغْدُونَ). apabila ditimbang hendaklah digandakan juga huruf asal perkataan tersebut.

Contoh :

KK asal	→	غَدَن	
	↓↓↓		
KT	→	فَعَل	
	↓		
KK	→	إِغْدُونَ	
	↓↓↓↓		
KT	→	إِفْعَوْلَ	

Dalam contoh di atas , huruf 'ain (ع) kata timbang digandakan kerana huruf däl (د) asal perkataan telah digandakan .

h. Cara - cara menimbang perkataan yang telah berlaku pembalikan huruf (القَلْبُ الْمَكَانِي) seperti perkataan (آبَارُ) menjadi kata jamak kepada perkataan (بَنْرٌ). Apabila perkataan itu ditimbangkan, maka hendaklah menimbang mengikut huruf asal sebelum berlaku pembalikan huruf.

Contoh :

KN Tunggal	→	بَنْرٌ	بَنْرٌ	رَأَى	رَأَى
KT	→	فَعْلٌ	فَعْلٌ	فَعْلٌ	فَعْلٌ
		↓	↓		
KN Jamak	→	آبَارٌ	آبَارٌ	رَأَاءُ	رَأَاءُ
KT	→	أَعْقَالٌ	أَعْقَالٌ	أَعْقَالٌ	أَعْقَالٌ

2.6 PROSES PEMBENTUKAN KATA BAHASA ARAB

Dalam bahasa Arab, kata (perkataan) boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu : Kata Nama (KN), Kata Kerja (KK), dan Kata Huruf (KH) atau partikel. Kata kerja adalah yang paling banyak dibincangkan dan ianya memainkan peranan yang amat penting di dalam bahasa Arab terutamanya

dalam bidang Morfologi. Oleh itu, kajian ini difokuskan terlebih dahulu kepada kata kerja, kerana secara umumnya kebanyakannya perkataan bahasa Arab adalah berasal daripada ***Al Masdar*** (Kata Sumber) yang bertitik tolak daripada kata kerja juga.

Mengikut Dr. Ibrahim Al Sāmirā'i (1986 : 15) menyatakan “ Sesungguhnya golongan awal sarjana Arab telah mengambil anisiatif yang memberangsangkan mengenai kata kerja dalam merangka kajian mereka berkenaan dengan ilmu nahu. Para sarjana ilmu nahu moden juga telah menitik berat dalam perkara yang sama. Maka secara umumnya kata kerja telah memainkan peranan yang penting dalam semua bahasa.”

2.6.1 KATA KERJA DAN MAKNA KANDUNGANNYA

Kata kerja dalam bahasa Arab boleh ditakrifkan sebagai, sesuatu perkara yang menunjukkan makna , peristiwa (kelakuan) dan masa.

Kata kerja dalam bahasa Arab mempunyai ciri-ciri dan ***makna kandungan*** yang begitu unik dan ia berbeza dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Sebagai contoh perkataan (ضَرَبَ) boleh dianalisiskan sebagaimana berikut :

- | | |
|----------------|------------------|
| 1- Makna | = pukul |
| 2- Kala / masa | = lepas / lampau |

- 3- Bilangan = satu / tunggal
 4- Genus / jantina = maskulin
 5- Ganti nama terpendam = dia (هُوَ)
 6- Rujukan untuk = orang ketiga
 7- Kata timbang = fa‘ala (فَعَلَ)
 8- Suku kata = tiga suku kata
 9- Fungsi nahuan = KK transitif
 10- Bentuk kata = tak berimbuhan
 11- Jenis kata = kata kerja
 12- Bentuk fungsi = KK aktif

Dalam contoh di atas, didapati bahawa perkataan (ضرب) mempunyai ciri-ciri dan makna kandungan yang berkaitan dengannya adalah banyak. Sebab itulah, kalau diterjemahkan sebagai *pukul* semata-mata adalah tidak tepat dan boleh dikatakan salah. Maka perkataan itu hendaklah diterjemahkan sebagai "dia /ia (lelaki/jantan) telah pukul".

2.6.2 BAHAGIAN - BAHAGIAN KATA KERJA (KK)

Terdapat kata kerja dalam bahasa Arab dari aspek masa (kala) terbahagi kepada tiga bahagian :

- Kata Kerja Kala Lampau (KKkl) (الفِعْلُ الْمَاضِي)
- Kata Kerja Kala Kini (KKkn) (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ)
- Kata Kerja Imperatif (KK:im) (فِعْلُ الْأَمْرِ)

2.6.2.1. KATA KERJA KALA LAMPAU (KKkl).

KKkl ialah kata kerja yang merujuk kepada masa lampau, seperti perkataan (كَبَّ = **kataba**) memberi makna : **Dia. (lelaki) telah menulis.**

Di bawah ini,ditunjukkan kata timbang - kata timbang (pola - pola) KKkl berserta dengan contoh perkataan dan makna.

Bil	Kata Timbang	Contoh	Makna
01	فَعَلَ	كَتَبَ	Dia (L) telah menulis
02	فَعَلَا	كَتَبَا	mereka berdua (L) telah menulis
03	فَعَلُوا	كَتَبُوا	mereka (L) telah menulis
04	فَعَلْتَ	كَتَبْتَ	dia (P) telah menulis
05	فَعَلْتَا	كَتَبْتَا	mereka berdua (P) telah menulis
06	فَعَلْنَ	كَتَبْنَ	mereka (P) telah menulis
07	فَعَلْتَ	كَتَبْتَ	kamu (L) telah menulis
08	فَعَلْتَمَا	كَتَبْتَمَا	kamu berdua (L) telah menulis
09	فَعَلْتَمْ	كَتَبْتَمْ	kamu semua (L) telah menulis
10	فَعَلْتَ	كَتَبْتَ	kamu (P) telah menulis
11	فَعَلْتَمَا	كَتَبْتَمَا	kamu berdua (P) telah menulis
12	فَعَلْتَمْ	كَتَبْتَمْ	kamu semua (P) telah menulis
13	فَعَلْتَ	كَتَبْتَ	saya (L/P) telah menulis
14	فَعَلْنَا	كَتَبْنَا	kami (L/P) telah menulis

2.6.2.2. KATA KERJA KALA KINI (KKkn)

Kata Kerja Kala Kini ialah kata kerja yang merujuk kepada masa kini

(kala kini) dan masa akan datang (kala depan) seperti perkataan **يَكْتُبُ** (**yaktubu**) memberi erti : **Dia (L) sedang menulis.**

Di bawah ini, ditunjukkan kata timbang - kata timbang dan contoh-contoh bagi perkataan KKkn beserta dengan makna bagi perkataan-perkataan tersebut

Bil	Kata Timbang	Contoh	Makna
01	يَفْعُلُ	يَكْتُبُ	dia (L) sedang menulis
02	يَفْعَلَانِ	يَكْتَبَانِ	mereka berdua (L) sedang menulis
03	يَفْعَلُونَ	يَكْتَبُونَ	mereka (L) sedang menulis
04	تَفْعُلُ	تَكْتُبُ	dia (p) sedang menulis
05	تَفْعَلَانِ	تَكْتَبَانِ	mereka berdua (p) sedang menulis
06	تَفْعُلَنَّ	تَكْتَبَنَّ	mereka (p) sedang menulis
07	تَفْعُلُ	تَكْتُبُ	kamu (L) sedang menulis
08	تَفْعَلَانِ	تَكْتَبَانِ	kamu berdua (L) sedang menulis
09	تَفْعَلُونَ	تَكْتَبُونَ	kamu semua (L) sedang menulis
10	تَفْعَلِينَ	تَكْتَبِينَ	kamu (P) sedang menulis
11	تَفْعَلَانِ	تَكْتَبَانِ	kamu berdua (P) sedang menulis
12	تَفْعَلَنَّ	تَكْتَبَنَّ	kamu semua (P) sedang menulis
13	أَفْعُلُ	أَكْتُبُ	saya (L / P) sedang menulis
14	نَفْعَلُ	نَكْتُبُ	kami (L / P) sedang menulis

2.6.2.3. KATA KERJA IMPARATIF (KKim)

Kata kerja Imperatif (Kkim) ialah kata kerja yang merujuk kepada perintah (suruhan) untuk melakukan sesuatu perbuatan pada masa akan datang. Contohnya seperti, perkataan **أَكْتُبْ** (**uktub**) yang bermaksud : **tulislah kamu (L)**. Di bawah ini , ditunjukkan kata timbang - kata timbang imperatif.

Bil	Kata Timbang	Contoh	Makna
01	أُفْعِلْ	أَكْتَبْ	tulislah kamu (L)
02	أُفْعَلَا	أَكْتَبَا	(kamu (L) berdua) tulislah
03	أُفْعَلُوا	أَكْتَبُوا	(kamu (L) semua) tulislah
04	أُفْعِلِي	أَكْتَبِي	tulislah kamu (P)
05	أُفْعَلَا	أَكْتَبَا	(kamu (P) berdua) tulislah
05	أُفْعَلُونَ	أَكْتَبُنَ	(kamu (P) semua) tulislah